



TEMPAT MENARIK DI JAJAHAN PASIR PUTEH

TAHUN MELAWAT KELANTAN 2024



PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN PASIR PUTEH



TOK AMAN BALI RESORT, KG. DALAM RHU




PANTAI BISIKAN BAYU, KG. DALAM RHU



GUA BUKIT JAWA, KG. SELISING



JERAM MENGGAJI AGRO RESORT, KG. SUNGAI DURIAN



LATA TUJUH, KG. CHECKER



RAJA DAGANG RESORT, KG. DALAM RHU



PASAR PENDEKAR, KG. GUNTONG



JERAM PASU, KG. PADANG PAK AMAT



TAMAN AWAM BUKIT GEDOMBAK, LIMBONGAN



RESTORAN BUNYI OMBAK, KG. AIR TAWAR



WARUNG PENDEKAR, KG. JERAM



AWANG BONGSU RESORT, KG. DALAM RHU



ZON HASIL LAUT (KEROPOK LEKOR), KG. DALAM RHU



KOTAK HOUSE @ MUBA RESORT, KG. BUKIT MERBAU



DATARAN BAHTERA, KG. TOK BALI



LAMAN WARISAN TOK JANGGUT, LIMBONGAN



Pengenalan

Negeri Kelantan merupakan antara negeri yang mempunyai tamadun dan peradabannya yang tersendiri dan ia telah diwarisi sejak dari zaman berzaman. Namun demikian, tamadun negeri ini juga turut dipengaruhi oleh tamadun luar seperti tamadun India, Siam, China, Islam dan Barat. Pengaruh tamadun-tamadun tersebut telah meresap ke dalam adat resam dan cara hidup, kepercayaan dan bahasa penduduk Negeri Kelantan dan ia turut mempengaruhi dari segi bidang pentadbiran atau pemerintahan. Dalam hubungan ini, tamadun barat melalui penjajahan Inggeris telah membawa kepada perubahan sistem pentadbiran atau pemerintahan Negeri Kelantan. Di percayai bahawa, sistem pentadbiran yang diamalkan di negeri kelantan sejak zaman dahulu kala merupakan warisan daripada sistem politik melayu tradisional yang diamalkan sejak zaman turun temurun.

Dipercayai juga bahawa Jajahan Pasir Puteh telah wujud pada tahun 1905 lagi iaitu di zaman pemerintahan British. Pada masa itu pentadbiran jajahan dikendali oleh wakil penasihat british yang dikenali sebagai Ketua Jajahan. Pejabat tanah dan jajahan Pasir Puteh telah dirasmikan oleh DYMM Al-Sultan Kelantan Tuanku Ismail Petra Ibni Al-Marhum Sultan Yahya Petra pada bulan september 1988. Jajahan Pasir Puteh merupakan jajahan yang kelima luasnya daripada jajahan-jajahan lain dalam Negeri Kelantan. Kedudukan Jajahan Pasir Puteh ini adalah bersempadan dengan Jajahan Kota Bharu di sebelah utara, Jajahan Machang di sebelah barat, Jajahan Bachok di sebelah timur laut dan sebelah selatannya bersempadanan dengan daerah Besut. Manakala di sebelah Timurnya, jajahan ini merupakan sempadan dengan Laut Cina Selatan. Jajahan Pasir Puteh juga merupakan salah satu daripada laluan masuk utama bagi kenderaan-kenderaan yang datang dari luar negeri Kelantan untuk ke jajahan-jajahan lain yang terdapat di negeri ini.

Pasir Puteh adalah 1 jajahan di Negeri Kelantan Darul Naim, Malaysia. Jajahan Pasir Puteh adalah seluas 424 KM Persegi. Pusat bandar dan pentadbiran Jajahan Pasir Puteh adalah Bandar Pasir Puteh yang terletak sejauh 35KM ke arah tenggara dari Bandar Kota Bharu, Kelantan. Pasir Puteh adalah bandar transit untuk ke Terengganu dan Pahang serta Selatan Semenanjung Malaysia. Jajahan Pasir Puteh kaya dengan hutan lipur, air terjun, bandar moden, pantai-pantai dan Pusat rekreasi. Jajahan Pasir Puteh dibangunkan oleh pihak Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dengan prasarana dan kemudahan seperti Resort-Resort, taman permainan, tandas awam, kedai makan, restoran dan masjid. Sepanjang berada di Pasir Puteh para pengunjung dapat melawat tempat-tempat yang sangat menarik dan unik. Kawalan keselamatan resort-resort terjamin kerana kawalan dilakukan 24 jam sehari serta berada dalam kas





MESTI MELAWAT TEMPAT MENARIK



TOK AMAN BALI BEACH RESORT



Tok Aman Bali Beach Resort menawarkan sebuah tempat penginapan 5 bintang di Pasir Puteh. Di samping itu juga, tempat ini terdapat banyak aktiviti rekreasi antaranya paddle boat, berkayak, memancing, target shooting, berbasikal dan sebagainya. Ia sangat sesuai untuk rekreasi keluarga. Menawarkan kemudahan penginapan yang selesa dan harga yang berpatutan sesuai untuk keluarga b40. Resort ini juga menyediakan kolam untuk kanak-kanak dan dewasa, dewan, surau, restoran serta lagun untuk memancing.

PANTAI BISIKAN BA YU



Pantai Bisikan Bayu atau dahulunya dikenali sebagai 'Pantai Dalam Rhu' yang mana merupakan satu produk pelancongan yang paling awal dibangunkan di Pasir Puteh. Lokasinya terletak di Cherang Ruku, Semerak, 16 km dari bandar Pasir Puteh, 3 km dari Pekan Cherang Ruku. Di kawasan pantai ini, disediakan surau, tandas, bilik persalinan, taman permainan, dan juga terdapat sebuah chalet penginapan iaitu Taman Rehlah. Antara aktiviti yang boleh dijalankan di sini ialah berkelah, berkhemah dan aktiviti keluarga.

RAJA DAGANG RESORT



Lokasi Raja Dagang Resort ini memang agak menarik. Sesuai dengan jiwa penunjang yang sukakan suasana desa. Terletak ditebing Sungai Semerak dan merupakan lokasi khazanah Hutan Paya Bakau. Resort ini seluas lebih kurang 6 ekar. Menawarkan kemudahan penginapan yang selesa dan harga yang berpatutan sesuai untuk keluarga b40. Resort ini juga menyediakan kolam untuk kanak-kanak dan dewasa, dewan, surau, restoran serta kolam untuk memancing. Haaaa...buat kaki-kaki pancing anda boleh memancing di kolam resort ini dimana berhampiran dengan sungai semerak semestinya ikan yang terdapat di sungai terus dari laut.

KOTAK HOUSE @ MUBA RESORT



Lokasi Kotak House @ Muba Resort ini memang agak menarik. Sesuai dengan jiwa penunjang yang sukakan suasana berbukit dan nyaman. Terletak kawasan berbukit di dalam daerah Selising di Jajahan Pasir Puteh dan merupakan lokasi khazanah Hutan Bukit Bakau. Resort ini berasaskan kotak kontena yang diubah suai menjadi bilik untuk penginapan pengunjung. Menawarkan kemudahan penginapan yang selesa dan harga yang berpatutan. Resort ini juga menyediakan kolam untuk kanak-kanak dan dewasa, , surau, serta pelbagai aktiviti 'outdoor' dan juga 'Indoor'. Jarak Resort ini dari Pusat Bandar Pasir Puteh adalah 17.1km dimana berada pada laluan utama dari Pasir Puteh ke Kota Bharu



MESTI MELAWAT TEMPAT MENARIK



A WANG BONGSU RESORT (TAMAN TEMA AIR MIN)



Taman tema air ini mempunyai 4 kolam mandi yang berbeza tahap kedalaman dan 4 jenis gelongsor. Kategori gelongsor yang berbeza untuk memudahkan para pengunjung dewasa dan kanak-kakak untuk berhibur serta mementingkan tahap keselamatan semasa berhibur. Bukan itu sahaja, ia juga menyediakan tempat penginapan yang cukup selesa bagi seisi keluarga. Taman ini beroperasi setiap hari dari jam 8.30 pagi hingga 7.00 petang.

ZON HASIL LAUT (KEROPOK LEKOR)



Zon Hasil Laut di Pasir Puteh terletak di sempadan Terengganu dan Kelantan dimana jarak antara zon hasil laut dari Pusat Bandar Pasir Puteh adalah 20.1 Km yang mana merupakan salah satu laluan utama Kelantan ke Terengganu. Zon ini kebanyakan menjual hasil laut terutama Ikan Kering dan Keropok Lekor.

RESTORAN BUNYI OMBAK



Bunyi Ombak dibuka pada pertengahan 2022 oleh saudara Mohd Zain atau lebih dikenali Jen KL didalam pengiat seni dikir barat kelantan. Awal penubuhan Mohd Zain ingin menjadikan tanah pusaka menjadi tempat riadah sambil makan makanan di tepi pantai. Di bunyi ombak terdapat pelbagai makanan masakan panas dan seafood. Tapi, di Bunyi ombak menu yang mendapat tempat paling banyak adalah ikak bekok.

www.ptjpp.com



MESTI MELAWAT TEMPAT MENARIK



DATARAN BAHTERA TOK BALI



Tok Bali merupakan sebuah perkampungan yang terletak di daerah Pasir Puteh di bawah Dun Semerak. Tok Bali dikatakan mendapat daripada seorang dari pelayar dari Indonesia yang hanyut dan terdampar di pantai tersebut. Kapal pelayar dari Bali Indonesia telah pecah di tengah lautan menyebabkan pelayar tersebut hanyut berbulan-bulan di lautan. Tikamana beliau terdampar di pantai, dikatakan teritip telah memenuhi tubuh beliau. Maka dengan ini terbina Dataran Bahtera Tok Bali yang mana keberadaan tempat ini di tengah-tengah laluan utama dari Terengganu ke Kota Bharu. Tempat ini menjadi salah satu tempat tumpuan pengunjung yang melalui jalan dimana terdapat kemudahan seperti restoran-restoran, kedai runcit 24 jam dan zon ikan bakar. Dataran ini juga berkedudukan bersebelahan Jambatan Tok bali dan menjadi mercu tanda yang utama kepada Kampung Tok Bali.

LAMAN WARISAN TOK JANGGUT



Salah seorang penduduk jajahan Pasir Puteh ialah Haji Hassan bin Panglima Mat Munas yang juga dikenali sebagai Tok Janggut kerana janggutnya yang panjang dan putih. Beliau adalah seorang petani padi dan saudagar, beliau menyertai pemberontakan petani di Tanah Melayu pada tahun 1915 menentang pemerintahan British yang bermula pada tahun 1909. Rejim kolonial mempunyai kesan negatif terhadap kuasa ketua daerah, ini membawa kepada pengenalan bentuk cukai tanah yang tidak diingini. Sebagai bekas murid ketua Pasir Puteh, Tok Janggut terkesan dengan kedua-dua keputusan tersebut. Pada April 1915, beliau memulakan boikot cukai dan kemudian mengambil bahagian dalam pemberontakan bersenjata hampir 2,000 petani untuk mengusir British. Askar-askar British dari Singapura telah dihantar untuk memadamkan pemberontakan ini yang berlangsung selama satu bulan. Tok Janggut terbunuh dalam serangan terakhir ke atas kubunya, dan namanya masih dihormati sebagai legenda awal penentangan terhadap pemerintahan British.

TAMAN AWAM BUKIT GEDOMBAK



Taman Awam Bukit Gedombak Adalah salah sebuah taman baharu yang telah dibina untuk aktiviti orang awam serta pengunjung ke Jajahan Pasir Puteh. Antara kemudahan yang bakal disediakan ialah trek jogging, padang bola, gelanggang futsal, kiosk, dewan terbuka dan taman permainan. Oleh itu, taman ini menjadi salah satu taman utama untuk kegiatan rekreasi orang awam.





MESTI MELAWAT TEMPAT MENARIK



AIR TERJUN JERAMPASU




Jeram Pasu adalah merupakan salah satu kawasan rekreasi hutan lipur dan air terjun yang terkenal di Pasir Puteh, Kelantan. Jeram Pasu dihubungi dengan jalan raya bertar dan pengunjung boleh ke sana dengan menaiki perkhidmatan bas awam, kereta persendirian dan teksi. Jeram Pasu terletak kira-kira 8 kilometer dari simpang Kampung Padang Pak Amat, Jalan Pasir Puteh - Kota Bharu. Mengikut sejarah dan cerita masyarakat setempat, Jeram Pasu merupakan air terjun yang terawal dibangunkan sebagai kawasan rekreasi orang ramai di Kelantan. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Daerah Pasir Puteh telah membina banyak kemudahan seperti tempat letak kereta, surau, wakaf rehat, tandas awam, restoran dan gerai serta kolam mandi buatan. Pengunjung juga boleh beriadah dengan menggunakan trek denai hutan yang dibina oleh pihak PBT.

JERAM MENGAJI AGRO RESORT



Jeram Mengaji atau disebut juga Jeram Mak Nenek ini baru dibuka pada tahun 2005, dan masih dalam pembangunan, hanya terletak lebih kurang 6 km dari Pekan Selising atau 22 km dari Bandar Pasir Puteh. Jeram ini juga dikenali sebagai 'Kundasang' Kelantan yang mana terdapat lembu tenusu dan jualan air yogurt, susu lembu, kambing diperah segar di gerai terutamanya dan kini terdapat pelbagai spesis binatang yang diusahakan oleh penternak tempatan yang dikenali syarikat SRZ Ternak. Selain keindahan panorama semula jadi, Jeram Mengaji turut dianugerahkan jeram yang jernih sesuai untuk aktiviti mandi-manda dan rekreasi keluarga. Kemudahan surau dan tandas awam juga lengkap tersedia di sini utk kegunaan para pengunjung.

AIR TERJUN LATA TUJUH



Lata Tujuh terletak dalam Mukim Kandis iaitu lebih kurang 2 km dari Kg Kandis. Persekitarannya masih belum tercemar dengan suasana kehijauannya dan udara segar yang masih terpelihara. Lata Tujuh ini sangat unik dengan keindahan air terjun yang terdapat di situ. Hanya boleh dihubungi melalui jalan denai Kg Kandis Hujung melalui padang ragut ataupun melalui Kg Cheker dan Bukit Yong melalui jalan balak. Pengunjung dapat menjalankan kegiatan rekreasi seperti berkelah dan juga berkhemah di Lata ini. Bentuk muka bumi yang berbukit di lata ini sangat bersesuaian dengan aktiviti 'hiking'.



MESTI MELAWAT TEMPAT MENARIK



PASAR PENDEKAR



Pasar Pagi Kg Guntong Pasir Puteh. Ada yang menggelarkannya pasar pendekar, ada juga menamakannya sebagai pasar bunian. Walau apa pun jolokan diberikan yang pasti ia untuk menggambarkan suasana di pasar legenda berkenaan. Berbeza dengan pasar- pasar pagi lain yang selalunya berada di jalan- jalan utama, atau pinggir bandar, Pasar Pagi Kg Guntong ini pula beroperasi di dalam kebun getah di kampung tersebut. Seawal 6 pagi, peniaga telah mula memenuhi ruang niaga masing-masing sambil menunggu kedatangan pengunjung. Pasar ini dibuka hanya pada hari Jumaat dari awal pagi sehingga tengah hari. Pasar pagi yang menjual pelbagai keperluan harian seperti ikan, sayur-sayuran serta gerai makanan.

WARUNG PENDEKAR



Warung Pendekar dibuka pada penghujung 2022 oleh anak jati Kg Jeram. Awal penubuhan menjadikan tempat riadah sambil makan makanan di dalam suasana kampung. Di Warung Pendekar menyajikan 'Sajian Melayu Kampung' dimana terdapat pelbagai pilihan ulam-ulaman dan juga yang terkenal adalah pelbagai jenis-jenis 'ikan bekok'. Warung Pendekar ini salah satu tempat kunjungan pengunjung oleh kerana kedudukan warung ini bersebelahan sungai Darang Buaya dan juga di tengah-tengah sawah padi. Hal ini menjadi tarikan oleh pengunjung disebabkan suasana dan prasarana seperti pengunjung seolah-olah sedang menikmati juadah dirumah sendiri.

GUA BUKIT JAWA



BUKIT JAWA yang terletak di Kampung Bukit Jawa dalam daerah Pasir Puteh, Kelantan adalah sebuah bukit yang agak sarat dengan legenda "Puteri Mayang Mengurai". Puteri Mayang Mengurai menetap dalam gua Bukit Jawa sejak dulu kerana melarikan diri dari sultan lalu bersembunyi di dalam gua berkenaan. Oleh itu Gua Bukit Jawa ini menjadi salah satu tempat tarikan pengunjung sepertimana 'Bukit Marak' yang penuh dengan peninggalan sejarah lama Melayu Kelantan. Di Gua ini juga terdapat laluan mendaki bukit yang mana sesuai kepada pengunjung yang ini melakukan aktiviti mendaki dimana bentuk muka bumi yang berbukit. Di sini juga terdapat aktiviti "Offroad ATV" yang menjadi salah satu aktiviti ekstrem masyarakat sekarang.